

## SOALAN NO: 26

patriotisme dan semangat cintakan negara sentiasa diberikan keutamaan dalam pemberian bantuan dana melalui CMPC.

Melalui CMPC juga, pihak Kementerian dapat mendidik dan mengawal penerbitan filem-filem daripada peringkat awal semasa penggiat filem memohon untuk mendapatkan bantuan dana. Sebagai contoh, jika penggiat memohon Dana Pembangunan Skrip, pihak Kementerian melalui FINAS akan memastikan dan membimbing penggiat industri untuk menghasilkan filem-filem yang mempromosikan perpaduan dan cinta kepada negara.

Selain itu, semua filem yang ditayangkan di Malaysia sama ada filem tempatan atau luar negara akan melalui proses penapisan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Justeru, sebarang elemen negatif yang boleh memberi pengaruh buruk dan menjurus ke arah gejala sosial telah terlebih dahulu ditapis sebelum dipaparkan kepada khalayak umum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 27**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa lesen perkhidmatan udara syarikat penerbangan Rayani Air tidak dibatalkan memandangkan kegagalan syarikat tersebut menjelaskan tunggakan gaji pekerjaanya dan ia menggantung operasi penerbangan mereka sendiri tanpa kebenaran dari Jabatan Penerbangan Awam. Berapakah lesen perkhidmatan udara telah dikeluarkan kepada syarikat swasta dan nama-nama syarikat tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memberikan peluang kedua kepada syarikat Rayani Air Sdn Bhd (Rayani) dengan memberikan tempoh masa perlanjutan selama tiga (3) bulan sahaja daripada tarikh (11 April 2016) penggantungan 'Air Operator Certificate' bagi operasi perkhidmatan penerbangan Rayani.

Dalam tempoh masa perlanjutan ini, Rayani diminta untuk memberi penerangan dan justifikasi berhubung perkara-perkara yang berikut:

- i. Perancangan Rayani dari segi pengukuhan kewangan dan sumber manusia untuk terus bersaing di dalam industri penerbangan di Malaysia atau sebaliknya;
- ii. Perancangan Rayani untuk menjaga kepentingan dan kebajikan para pekerja yang sedia ada agar tidak diberhentikan dan penjelasan berkenaan tunggakan gaji pekerja-pekerja; dan
- iii. Isu penggantungan operasi penerbangan tanpa kebenaran daripada Jabatan Penerbangan Awam terlebih dahulu.

Dengan memberi peluang seumpama ini, secara tidak langsung dapat menjaga kebajikan pekerja yang sedia ada agar tidak terus diberhentikan kerja dengan alasan Kerajaan telah menarik balik lesen Operasi Penerbangan syarikat berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, sebanyak sembilan (9) lesen perkhidmatan udara ( *Air Service Licence - ASL*) telah diluluskan kepada syarikat swasta untuk melaksanakan perkhidmatan penerbangan secara berjadual. Senarai nama syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan ASL adalah seperti berikut :

- i. Malaysia Airlines (MAB)
- ii. AirAsia Berhad
- iii. Malindo Air
- iv. FlyFirefly Sdn Bhd (Firefly)
- v. MASwings Sdn Bhd
- vi. Air Asia X Berhad
- vii. Raya Airways Sdn Bhd
- viii. Berjaya Air Sdn Bhd
- ix. Rayani Air Sdn Bhd